

CUKAI KEUNTUNGAN MODAL (CKM). INI YANG ANDA PERLU TAHU APA ITU CKM ?

Cukai ke atas LABA ATAU KEUNTUNGAN DARIPADA PELUPUSAN ASET MODAL terdiri daripada :

- a) Saham tidak tersenarai syarikat yang diperbadankan di Malaysia; atau
- b) Saham syarikat terkawal diperbadankan di luar Malaysia yang memiliki harta tanah yang terletak di Malaysia atau saham syarikat terkawal lain atau kedua-duanya.

CKM adalah tertakluk di bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.

SIAPA YANG TERLIBAT ?

- a) Syarikat
- b) Perkongsian Liabiliti Terhad
- c) Badan Amanah
- d) Koperasi
- e) Entiti Labuan Yang Memilih Pengenaan Cukai Di Bawah ACP 1967

BERAPA KADAR CUKAI ?

- a) Saham diperoleh SEBELUM 1 Januari 2024 :
 - 10% atas pendapatan lasaran ATAU 2% atas balasan pelupusan.
- b) Saham diperoleh MULAI 1 Januari 2024 :
 - 10% atas pendapatan lasaran.

BAGAIMANA NAK LAPOR ?

Penghantaran Borang Nyata (e-CKM) dan bayaran CKM perlu dibuat dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan.

INDIVIDU BUKAN PEMASTAUTIN

Bagi individu bukan pemastautin, adalah penting untuk mereka menyemak taraf mastautin di Malaysia memandangkan ia berkait rapat dengan layanan cukai yang dikenakan. Ia adalah suatu persoalan fakta dan merupakan salah satu kriteria utama yang menentukan liabiliti cukai pendapatan Malaysia seseorang individu. Liabiliti cukai pula ditentukan atas asas setahun ke setahun.

Perbezaan nyata dalam layanan cukai tersebut adalah melibatkan aspek berikut :

- i) Kadar cukai,
- ii) Pelepasan diri,
- iii) Rebat, dan
- iv) Cukai pegangan.

Penentuan taraf mastautin dibuat dengan merujuk kepada **keberadaan fizikal individu tersebut di Malaysia** dan bukan berdasarkan kerakyatan atau kewarganegaraannya.

Maklumat lanjut berhubung Taraf Mastautin ini boleh dirujuk dalam Ketetapan Umum No. 6/2011 – Taraf Mastautin Individu melalui Portal Rasmi HASiL di pautan www.hasil.gov.my.

PELAPORAN CUKAI BAGI PENDAPATAN MELEBIHI SATU PUNCA

Seseorang pembayar cukai dikehendaki oleh undang-undang untuk menentukan pendapatan yang dikenakan cukai, mengira cukai pendapatan yang dikenakan dan menghantar borang cukai pendapatan serta membuat bayaran cukai bagi tahun taksiran yang berkenaan. Punca pendapatan yang tertakluk kepada cukai ialah :

- i) Laba / keuntungan daripada sesuatu perniagaan;
- ii) Laba / keuntungan daripada penggajian;
- iii) Dividen, faedah atau diskaun;
- iv) Sewa, royalti atau premium;
- v) Pencen, anuiti atau bayaran berkala lain; dan
- vi) Laba / keuntungan yang tidak termasuk dalam mana-mana butiran di atas.

Bagi individu yang mempunyai lebih daripada satu punca pendapatan dalam satu tahun taksiran, mereka perlu menyatukan kesemua pendapatan yang diterima dan melaporkannya dalam borang cukai yang sepatutnya :

- i) **Borang BE** : borang pelaporan cukai bagi **individu pemastautin** dengan punca pendapatan penggajian dan pendapatan lain (tidak termasuk perniagaan),
- ii) **Borang B** : borang pelaporan cukai bagi **individu pemastautin** dengan punca pendapatan perniagaan, penggajian dan pendapatan lain, atau
- iii) **Borang M** : borang pelaporan cukai bagi **individu bukan pemastautin** dengan punca pendapatan perniagaan, penggajian dan pendapatan lain.

Maklumat lanjut berhubung cukai pendapatan individu boleh didapati melalui Portal Rasmi HASiL di pautan www.hasil.gov.my di bawah menu Individu.

WAKTU OPERASI KAUNTER PERKHIDMATAN HASiL SEPANJANG BULAN RAMADAN TAHUN 2024/1445H

HASiL ingin memaklumkan bahawa terdapat perubahan dalam waktu operasi kaunter perkhidmatan HASiL sepanjang bulan Ramadan tahun 2024/1445H mulai 12 Mac 2024 sehingga 9 April 2024. Maklumat penuh berhubung waktu operasi ini boleh dilihat melalui Kenyataan Media HASiL bertarikh 11 Mac 2024, Waktu Operasi Kaunter Perkhidmatan HASiL Sepanjang Ramadan Tahun 2024/1445H :

<https://www.hasil.gov.my/media/55elglm2/20240311-kenyataan-media-hasil-waktu-operasi-kaunter-perkhidmatan-lembaga-hasil-dalam-negeri-sepanjang-bulan-ramadan-tahun-2024-1445h.pdf>.

Sejajar dengan transformasi teknologi dan pendigitalan sistem perkhidmatan percukaian serta komitmen bagi meningkatkan tahap perkhidmatan pelanggan, HASiL mewajibkan penggunaan e-Perkhidmatan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang telah disediakan secara dalam talian melalui gerbang perkhidmatan Portal MyTax mulai 1 Januari 2024 dengan melayari www.hasil.gov.my.

INFO PKPS 2.0 : ATURAN BAYARAN

Pembayar cukai yang menyertai Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) 2.0 hendaklah menjelaskan bayaran cukai secara sekali gus dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis taksiran atau secara ansuran berdasarkan aturan bayaran ansuran yang dipersetujui sehingga tempoh pelaksanaan PKPS 2.0 berakhir.

Permohonan aturan bayaran ansuran perlu dikemukakan melalui Pautan PKPS 2.0 di Portal Rasmi HASiL / MyTax dengan menggunakan Borang Permohonan Bayaran Ansuran PKPS 2.0.

Sekiranya pembayar cukai gagal menjelaskan baki cukai pada akhir tempoh yang ditetapkan, kenaikan cukai akan dikenakan berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Maklumat lanjut berhubung PKPS 2.0 boleh diperolehi daripada Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my di bawah menu Pautan Popular.

WASPADA DENGAN SCAMMER :

HASiL TIDAK MEMBUAT PANGGILAN MELALUI TELEFON BIMBIT ATAU MENYAMBUNGKAN PANGGILAN KE AGENSI LAIN SEPERTI PDRM, MAHKAMAH DAN LAIN-LAIN.

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.

INISIATIF NASIONAL e-INVOIS

e-Invois diperkenalkan bertujuan untuk memperkemas dan menaik taraf sistem percukaian negara, menggalakkan ketelusan dalam pelaporan pendapatan serta meningkatkan kadar pematuhan cukai. Ia juga dilihat dapat menangani masalah ketirisan hasil negara kesan daripada urus niaga yang tidak dilaporkan dan dimanipulasi.

TEMPOH PELAKSANAAN e-INVOIS



MAKLUMAT LANJUT MENGENAI e-INVOIS

- 1) Rujuk laman mikro e-Invois di Portal Rasmi HASiL : www.hasil.gov.my,
- 2) Rujuk Garis Panduan e-Invois dan Soalan Lazim, atau
- 3) Kemukakan e-mel kepada myinvois@hasil.gov.my untuk sebarang pertanyaan dan maklum balas

Penggunaan Secara Mandatori

e-PERKHIDMATAN

Melalui Portal Mytax : <https://mytax.hasil.gov.my>

Mulai 1 Januari 2024